

ARFEN SUPOSITORI

Paracetamol (125mg, 80mg)

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan ARFEN
2. Bagaimana ARFEN berfungsi
3. Sebelum menggunakan ARFEN
4. Cara menggunakan ARFEN
5. Semasa menggunakan ARFEN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Care penyimpanan dan pelupusan ARFEN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan ARFEN

Supositori ialah ubat kecil yang berbentuk seperti torpedo yang dimasukkan melalui laluan belakang (rektum).

Supositori ini digunakan untuk merawat kesakitan dan demam pada kanak-kanak. Ia digunakan oleh kanak-kanak yang mendapati kesukaran untuk mengambil paracetamol dalam bentuk oral seperti pil atau sirap.

Supositori juga boleh digunakan oleh pesakit yang tidak dapat mengambil *paracetamol* dalam bentuk oral (selepas pembedahan atau loya dan muntah)

Bagaimana ARFEN berfungsi

Supositori ARFEN mengandungi ubat yang dipanggil *paracetamol*. Ubat ini tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang mempunyai aktiviti analgesik (penahan sakit) dan *anti-pyretic* (mengurangkan demam).

Sebelum menggunakan ARFEN

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ARFEN:

- Jika anak anda mempunyai alahan terhadap *paracetamol* atau bahan lain dalam supositori ini

Sebelum mula menggunakan ARFEN

Sebelum mengambil ARFEN, beritahu doktor:

- Jika anak anda mempunyai masalah renal (buah pinggang) atau hepatic (hati).
- Jika anak anda sedang mengambil ubat lain yang boleh menjejaskan hati mereka.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil atau pernah mengambil sebarang ubat-ubatan termasuk ubat yang didapati tanpa preskripsi, termasuk:

- Ubat yang mengandungi *paracetamol* – JANGAN memberi ARFEN kepada anak anda pada masa yang sama
- Barbiturat (ubat sedatif)
- Ubat untuk epilepsi atau sawan (ataupun dipanggil anti-konvulsan)
- Ubat seperti *warfarin* untuk merawat pembekuan darah
- *Rifampicin* dan *St John's Wort*
- Asid *Probenecid* (untuk merawat gout)
- *Chloramphenicol* (ubat untuk jangkitan bakteria)
- *Cholestyramine* (sekuestran asid hempedu)

Cara menggunakan ARFEN

Berapa banyak harus digunakan

- ARFEN 125mg adalah untuk kanak-kanak berusia 1-5 tahun.
- ARFEN 250mg adalah untuk kanak-kanak berusia 6-12 tahun.
- Jumlah supositori yang diberi kepada anak anda bergantung kepada umur dan berat badan mereka.
- Dos yang dicadangkan ialah satu atau dua supositori.
- Anda perlu bertanya doktor atau ahli farmasi untuk nasihat mengenai jumlah supositori yang patut diberi.

Anda boleh memberi anak anda sehingga 4 dos dalam 24 jam. Anda perlu jarakkan masa sekurang-kurangnya 4 jam antara setiap dos.

Jika anda tidak pasti berapa banyak supositori harus diberi kepada anak anda, jangan meneka. Tanya doktor atau ahli farmasi anak anda untuk mendapatkan nasihat.

Jangan beri lebih supositori kepada anak anda daripada yang dinyatakan di atas.

Hubungi doktor anak anda jika simptom bertambah teruk atau tidak bertambah baik.

Bila perlu digunakan

- Sentiasa beri ARFEN kepada anak anda mengikut arahan doktor.
- Anda perlu merujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti. Sentiasa baca risalah maklumat (RiMUP), jika boleh, sebelum memulakan rawatan.

Berapa lama perlu digunakan

- Jangan berhenti memberi ARFEN kepada anak anda melainkan diarah oleh doktor anda.

Jika terlupa menggunakan

- Jika anda terlupa memberi anak anda ARFEN, berikan ubat sebaik sahaja anda teringat.
- Jangan memberi dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda terberi dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anak anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.
- Sentiasa bawa bungkusan ubat dengan anda supaya pihak hospital boleh mengenalpasti ubat yang diberi kepada anak anda.

Semasa menggunakan ARFEN

Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu doktor, doktor gigi dan ahli farmasi anak anda bahawa mereka sedang mengambil ARFEN.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti memberi ubat ini kepada anak anda kecuali dinasihatkan oleh doktor.
- Jangan memberi ubat yang baru kepada anak anda tanpa merujuk kepada doktor anda.
- Jangan beri ARFEN kepada orang lain walaupun mereka mengalami simptom yang sama seperti anak anda.

ARFEN SUPOSITORI

Paracetamol (125mg, 80mg)

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jangan beri alkohol atau ubat yang mengandungi alkohol sewaktu mereka diberi supositori.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, ARFEN boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan. Kesan sampingan yang berikut boleh berlaku:

Biasa (boleh menjejaskan 1 dalam 10 orang)

- Kemerahan atau kesakitan dalam atau sekitar laluan belakang.

Jarang (boleh menjejaskan 1 dalam 1000 orang)

- Reaksi alahan seperti bengkak pada muka, bibir, lidah atau tekak
- Masalah kulit seperti ruam atau gatal-gatal
- Masalah darah. Jika ini berlaku, anak anda mungkin mendapat lebam atau pendarahan yang lebih mudah, mendapatkan jangkitan dengan lebih mudah, atau mendapat suhu tinggi (demam) dan ulser dalam mulut dan tekak.
- Masalah hati (anak anda mungkin perlu menjalani ujian darah untuk memeriksa fungsi hati mereka)

Kes-kes reaksi kulit serius yang **sangat jarang** pernah dilaporkan.

- Reaksi alahan kutaneous termasuk ruam kulit, angioedema, *Stevens-Johnson Syndrome/ Toxic Epidermal Necrolysis* pernah dilaporkan

Jika kesan sampingan ini bertambah serius, atau anda mendapati kesan lain yang tidak disenaraikan dalam RiMUP ini, sila beritahu doktor anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan

ARFEN

Penyimpanan

- Jauhi ubat-ubatan daripada kanak-kanak
- Simpan di bawah 30°C dalam bungkus asal di tempat yang kering dan dilindungi daripada cahaya

Pelupusan

- Jangan menggunakannya selepas tarikh luput yang dicetak pada bungkus.
- Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

- Supositori ARFEN 125mg dan 250mg adalah sekata, licin, berkrum dan berbentuk torpedo.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Supositori ARFEN 125mg mengandungi 125mg *paracetamol*
Supositori ARFEN 250mg mengandungi 250mg *paracetamol*

Bahan-bahan tidak aktif

- Supositori ARFEN juga mengandungi: lemak keras dan lesitin

Nombor MAL

SUPOSITORI ARFEN 125MG
MAL19921171XZ
SUPOSITORI ARFEN 250MG
MAL19921172XZ

Pengilang

MEDOCHEMIE LTD (Cogols Facility),
1-10, Constantinopouleos Street,
3011 Limassol, Cyprus

Pemegang Pendaftaran

KOMEDIC SDN BHD, 4 Jalan PJS
11/14, Bandar Sunway, 46150 Petaling
Jaya, Selangor D.E.

Tarikh kemaskini RiMUP

15/02/2022